



Kemala Indonesia

Guru GPI (Guru Pendidikan Islam) Dalam Karakter *Daie* Sebagai Seorang Pendidik

Nurul Muliani Binti Mohd Isa, Rosmawati Binti Mohamad Rasit

Jabatan Pengajian Islam dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email:nmmi.ainul@gmail.com, rosmawati@ukm.edu.my

Abstrak – *Guru Pendidikan Islam (GPI)* adalah seorang *daie* yang amat penting kepada masyarakat kerana mereka merupakan aset dalam membina generasi yang unggul dan berwibawa. Seorang *daie* perlu memiliki sifat-sifat yang mampu untuk menarik minat para *mad'u*. Pada hakikatnya terdapat sifat-sifat yang hebat seorang *daie* dalam menyebarkan ajaran Islam yang mana telah diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW, Sahabat dan ulamak pada masa dahulu. Mereka pada zaman dahulu amat terkenal dengan sifat-sifat ketokohan masing-masing dalam menyebarkan dakwah. Namun bukan suatu yang mudah untuk menjadi seorang daiedalam diri seseorang yang bergelar *GPI* kerana terdapat banyak halangan dan dugaan yang perlu dihadapi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sifat-sifat *daie* yang diterapkan oleh *GPI* sebagai seorang daiedalam kehidupan serta pengaplikasian dalam pengajaran dan pembelajaran samada di dalam kelas atau diluar kelas. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian daripada pandangan para ulamak dan sarjana dapat diklasifikasikan kepada tiga bahagian sifat-sifat *GPI* Sebagai seorang *daie* iaitu hubungan dengan Allah SWT merangkumi hubungannya dengan Allah SWT, hubungannya sesama manusia dan hubungannya dengan alam. Hasil perbincangan menunjukkan sifat-sifat *daie* jika diamalkan mampu mempengaruhi fokus dan minat *mad'u* kepada perkara yang ingin disampaikan. Oleh itu, sifat-sifat yang hebat jika terdapat dalam diri seseorang itu mampu mencetus perubahan yang besar dalam sesuatu organisasi.

Kata kunci: *Daie, Sifat-sifat da'ie, Guru Pendidikan Islam, Pendidik, Karakter*

I. Pendahuluan

Sifat pendakwah adalah perkara yang sangat memberi kesan kepada *mad'u* yang diseru. Kejayaan daripada sifat yang baik dalam berdakwah telah berjaya dibuktikan pada zaman kegemilangan Islam yang terawal iaitu zaman baginda nabi Muhammad SAW. Tanpa sifat-sifat yang baik ditonjolkan, boleh menyebabkan kurangnya keyakinan atau kepercayaan serta penerimaan *mad'u* kepada dakwah yang disampaikan. Kesan daripada ini boleh menyebabkan kebenaran dari ajaran Islam terhalang daripada sampai kepada mereka. Oleh itu, sifat para *daie* itu mestilah dikawal dan dilatih dengan berpandukan kepada sifat-sifat rasul sebagai *daie* seperti yang difirmankan Allah S.W.T di dalam al Quran. *Daiemenurut al-Bayanuni* (2001) adalah seorang yang menyampaikan Islam, mengajarkan Islam dan berjalan atau bergerak kerja hingga Islam terlaksana. Gerak kerja dakwah yang dilaksanakan mestilah berstrategik dan teratur.

Oleh itu, dalam menyebarkan dakwah seorang *daie* itu perlu ada dan memiliki sifat-sifat yang terpuji demi menarik minat para *mad'u*. Sifat-sifat para *daie* telah banyak dibahaskan oleh para ulamak dan dikaji oleh para sarjana pada masa kini. Melihat kepada kepentingan pada bidang pendidikan maka kajian ini telah memfokuskan kajian kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) di mana mereka menjadi rol model kepada para pelajar, para guru dan ibu bapa di sekolah serta turut bertanggungjawab sebagai seorang *da'i* iaitu menyebarkan agama Islam melalui pendidikan.

Dengan memahami sifat-sifat *daie* melalui pandangan ulamak dan sarjana kini GPI dapat menanamkan dan menerapkan sifat-sifat seorang *daie* dalam diri mereka. Hasil daripada pandangan ulamak dan sarjana juga dapat

diklasifikasikan sifat-sifat GPI sebagai seorang *daie* kepada tiga aspek iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dan alam. Pendapat ini didasarkan daripada teori Sheikh al-Kiyani Al-Majid iaitu tokoh pendidikan Islam.

II. Penyataan Masalah

Menurut Aziz (2013) guru-guru bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam dan juga berperanan untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup pelajar kearah yang baik. Manakala, para pelajar pula dituntut agar dapat membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat (Tarmizi & Tamuri 2013). Oleh itu, keperibadian dan amalan pengajaran GPI mempunyai pengaruh besar kepada minda dan jiwa pelajar (Azam 2009). Menurut Tarmizi & Tamuri (2013) para pelajar pada usia muda akan melihat dan mengikuti segala tingkah laku, pergerakan dan perkataan guru kerana guru mempunyai pengaruh kuat kepada pelajar berbanding orang lain. Oleh itu, sebagai seorang GPI haruslah menjadi contoh teladan yang baik kepada para pelajar (Sidek 2006; Amin & Ismail 2012; Aziz 2013; Muhamad et al. 2013). Bahkan GPI bukan sahaja dilihat sebagai pengajar tetapi turut menjadi *mualim* (pengajar), *murabbi* (pendidik), *muaddib* (pengajar adab) dan *daie* (pendakwah) (Kamarul & Tamuri 2007; Tarmizi & Tamuri 2013; Aziz 2013).

Walau bagaimanapun, menurut Jaemah (2015) terdapat GPI yang tidak menunjukkan dalam ciri-ciri sebagai seorang *daie* iaitu tidak menampilkan wajah ceria ketika berhubung dengan pelajar. Hasil kajian Jaemah (2015) menunjukkan item terendah adalah dalam mempamerkan wajah yang baik kepada pelajar. Malahan, hasil dapatkan kajian Khairudin et al. (2014) turut menyatakan bahawa terdapat halangan komunikasi GPI dengan pelajar iaitu mudah marah 57.6 peratus, pengajian yang membosankan 57.6 peratus dan tidak mesra adalah 42.5 peratus. Bagi para GPI seharusnya menggunakan pendekatan komunikasi yang lemah lembut kerana menurut Batubara (2013) komunikasi seperti ini akan menimbulkan perasaan bersahabat ketika berinteraksi. Hal ini kerana menurut kajian Syofia, Zamri & Jamaludin (2013), guru yang memulakan pengajaran dan pembelajaran dengan memberi salam dan memujiakan memberi kesan yang baik terhadap pelajar. Kenyataan ini selari dengan pendapat Khuzaimah (2014) yang menyatakan pendidik yang garang akan dibenci manakala pendidik yang tegas akan dihormati oleh pelajar. Oleh itu, GPI perlulah menggunakan pendekatan dan cara yang betul supaya pelajar memberi tidak balas yang positif semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, terdapat juga persepsi kurang memuaskan terhadap penampilan dan sikap GPI di sekolah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Tamuri & Khairul (2010) mendapati guru-guru telah memberi kenyataan yang negatif terhadap penampilan kebanyakan GPI. Tambahan lagi, kajian daripada Mokthar et al. (2010) menunjukkan GPI masih lagi lemah dari segi penampilan, pergaulan dan cara bekerja. Hasil kajian ini juga mendapati GPI masih kurang sopan dan kurang berperanan sebagai pendidik dalam membentuk akhlak pelajar (Sarimah et al. 2010). Seharusnya, GPI perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pelajar dan membentuk akhlak serta sahsiah pelajar mengikut pendekatan yang terbaik dengan memiliki sifat seorang *daie* (Azizi 2013). Mereka perlu memperlihatkan serta menanamkan sifat-sifat sebagai seorang *daie* dalam diri mereka (Tarmizi & Tamuri 2013; Azam 2009).

III. Metodologi Kajian

Melalui kajian ini reka bentuk kajian secara kualitatif digunakan kerana melibatkan kajian secara analisis kandungan berkaitan sifat-sifat *daie* yang terdapat dalam al-Quran. Melalui kaedah pengumpulan data, buku-buku dan kitab-kitab tafsir berkaitan sifat-sifat *daie*. Analisis tertumpu kepada sifat-sifat *daie* yang terdapat dalam karangan para ulamak dan sarjana pada masa kini menjadi tumpuan dan bahan rujukan utama dalam kajian. Perbahasan sifat-sifat *daie* merangkumi pandangan ulamak-ulamak seperti Karim Zaidan (2010), al-Bayanuni (2001), Nasih Ulwan (1968) dan Ahmad Ghalush (1987). Manakala tokoh ulamak pendidikan Islam ialah Sheikh Kilani al-Majid serta perbahasan-perbahasan oleh sarjana-sarjana pada masa kini.

IV. GPI Sebagai Daie

Menurut Karim Zaidan (2010), Aziz (1997) & al-Bayanuni (2001) *daie* (pendakwah) adalah orang yang menyampaikan Islam, mengajarkan ilmu agama Islam dan berusaha memastikan Islam terlaksana. Tambahan lagi, menurut Aziz (1997) lagi *daie* juga perlu mempunyai pendekatan tertentu serta mempunyai kelengkapan dalam ilmu agama Islam di samping mengetahui sasaran dakwah yang betul. Bahkan, *daie* turut memiliki kelebihan untuk membawa mesaj kepada manusia supaya beriman kepada Allah SWT (al-Bayanuni 2001). Manakala dalam bidang pendidikan, GPI dianggap sebagai *daie* kerana terdapat usaha GPI untuk mengajak pelajar melakukan kebaikan melalui peribadi, akhlak dan menggunakan pendekatan yang sesuai (Azam, 2009). Hal ini, kerana tugas GPI juga dianggap sebagai tugas seorang *daie* (Faiz, Tamuri & Kamarul 2012) yang mana tugas mereka adalah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan perlaksanaan dalam kehidupan seharian (Tamuri, Faiz & Kamarul 2012). Maka bertepatan dengan pandangan

Kamarul & Tamuri (2007) dan Azam (2009) yang menyatakan bahwa guru ialah *murabbi, muallim, muaddib, mudarris, mursyid*, ustaz atau ulama (Tarmizi & Tamuri 2013).

Justeru itu, sebagai GPI haruslah melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang sebagai seorang *daie* supaya dapat memaksimumkan keberkesanannya dalam dakwah yang dijalankan (Faiz, Tamuri & Kamarul 2012). Di mana, hasil kajian Tamuri et al. (2016) menunjukkan persepsi positif pelajar-pelajar terhadap domain diri GPI iaitu menjaga maruah diri, menjaga ibadah, berhemah dan bersopan. Oleh itu, jelaslah keperibadian seseorang guru itu akan diperhatikan dan dianalisis oleh para pelajar. Keperibadian dan kewibawaan GPI menurut Tarmizi & Tamuri (2013) penting dalam memimpin dan mendidik para pelajar.

V. Sifat-Sifat *Daie* Mengikut Pandangan Ulamak Dan Sarjana

Pendakwah adalah orang yang berusaha mengajak orang lain ke arah yang lebih baik melalui cara tertentu dan tersendiri. Pendakwah memerlukan persiapan diri seperti ilmu pengetahuan yang mantap, personaliti yang baik, akhlak terpuji (al-Bayanuni 2001) dan mempunyai matlamat yang lengkap tentang sasaran dakwah (al-Bayanuni 2001:160 & Munir 2014). Berkaitan dengan sifat pendakwah tidak menghayati akhlak baik di dalam kehidupan, ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 44 dan surah al-Saff ayat 2-3. Kedua-dua ayat tersebut bermaksud mencela orang yang menyuruh berbuat baik tetapi peribadi sendiri tidak melakukan semua kebaikan sebagaimana yang disuruh Munir (2014). Oleh itu, sebagai pendidik perlulah memahami dan menghayati sifat-sifat *daie* serta mengaplikasikan dalam kehidupan mereka kerana mereka adalah *daie* (Azam 2009).

Terdapat pelbagai pandangan ulama mengenai sifat-sifat sebagai seorang *daie* di antaranya ialah berilmu pengetahuan (Nasih Ulwan 1968&al-Bayanuni 2001:160), pemaaf (Nasih Ulwan 1968& Ahmad Ghalush 1987), bertanggungjawab (Nasih Ulwan 1968), benar (Karim Zaidan 2010& Ahmad Ghalush 1987), sabar (Karim Zaidan 2010), penyayang (Karim Zaidan 2010), zuhud (Karim Zaidan 2010& Ahmad Ghalush 1987), ikhlas (Nasih Ulwan 1968) dan taqwa (Nasih Ulwan 1968&al-Bayanuni 2001). Namun begitu, daripada pandangan Ahmad Ghalush (1987) beliau telah membahagikan sifat-sifat seorang *daie* kepada tiga bahagian iaitu hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan manusia dan kefahaman yang sempurna mengenai madu. Manakala, sebahagian pandangan ulama seperti Karim Zaidan, Nasih Ulwan dan al-Bayanuni pula hanya menyenaraikan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang *daie* tanpa mengkategorikan sifat-sifat tersebut kepada beberapa bahagian. Walaupun begitu, pandangan Ahmad Ghalus dan ulama lain serupa dari segi sifat-sifat yang dinyatakan hanya yang membezakannya ialah beliau menyenaraikan sifat-sifat *daie* mengikut ketogori yang dibahagikan.

Seterusnya, terdapat beberapa sifat-sifat *daie* yang dibahaskan oleh para sarjana seperti berani (Ghazali Darusalam 2001&al-Misri 2014), amanah (Ghazali Darusalam 2001), berpengetahuan (Ghazali Darusalam 2001 dan Roslan & Choirin 2014), bijaksana (Roslan & Choirin 2014), uswatul hasanah (Roslan & Choirin 2014), bertawakal (Ghazali Darusalam 2001& Hafiza, Mariam & Safinah 2015), sabar (Ghazali Darusalam 2001&al-Misri (2014), tawaduk (Ghazali Darusalam 2001& Mustafa 2004), penyayang (Roslan & Choirin 2014) dan lemah lembut (al-Misri 2014). Namun begitu menurut pandangan Roslan & Choirin (2014) pula membahagikan sifat yang perlu ada kepada seorang *daie* kepada dua bahagian iaitu sifat pendakwah yang berjaya dan sifat pendakwah yang berkesan. Secara kesimpulannya, daripada pandangan ulama dan sarjana dapat diklasifikasikan sifat pendidik sebagai seorang *daie* meliputi hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia sesama manusia.

VI. Sifat-Sifat GPI sebagai *Daie*


Terdapat enam klasifikasi sifat *daie* berkaitan hubungan manusia dengan Allah SWT pertama hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah SWT iaitu menunaikan perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya (Ghazali Darusalam 2001). Manakala kedua ialah berpengetahuan yang benar iaitu dengan mengenali Allah SWT sebaik-baiknya (Ahmad Ghalus 1987&Mahmud 2003) yang mana seorang pendidik perlu yakin bahawa ilmu adalah nikmat daripada Allah SWT kerana dalam mendapat kesempurnaan dakwah persediaan ilmu yang cukup harus dilakukan (Roslan & Choirin 2014). Ketiga pula adalah tawakal iaitu menyandarkan harapan dan pergantungan hanya kepada Allah SWT (Hafizah, Mariam & Safinah 2015). Keempat sentiasa mengharap pertolongan daripada Allah SWT (Hafizah, Mariam & Safinah 2015). Kelima melihat keagungan Allah SWT (Ahmad Ghalus 1987). Keenam berusaha hidup dalam beribadah tidak terbatas kepada ibadah khusus (Ahmad Ghalus 1987). Selain itu, Menurut Munir (2014) lagi seorang *daie* faktor kepada ketidakkeberkesanannya dalam dakwah adalah berpunca daripada kurang maklumat, tiada komunikasi berkesan, tiada strategi dakwah, tiada adab dan etika berdakwah.

Oleh itu, *daie* perlu menjaga hubungan manusia sesama manusia supaya mudah menerima dakwah yang disampaikan. Antaranya terdapat lapan sifat-sifat yang perlu dipersiapkan untuk menjadi guru GPI sebagai seorang *daie*. Pertama sifat penyayang iaitu menurut pandangan Roslan & Choirin (2014) pendakwah harus menerapkan nilai kasih sayang kepada orang-orang yang didakwahnya dan berusaha agar mendapat kecintaan dari mereka serta menjadi mereka cenderung kepadanya. Hal ini disebabkan kebencian kepada seorang pendakwah adalah sesuatu yang dapat memalingkan manusia dari seruannya, walaupun seruan itu adalah kebenaran (Roslan & Choirin 2014). Hal ini kerana,

kebencian dan kedengkian adalah penghalang dan penolak bagi setiap perkara (Roslan & Choirin 2014). Bahkan menurut Sulaiman, Salleh & Mustari (2002) bagi mendapatkan komunikasi yang baik di antara guru dengan pelajar ialah memiliki sifat penyayang. Kedua menurut Marlon, Zikma & Fauzi (2015) berlelah lembut melalui bahasa percakapan yang mampu menarik hati para pendengar untuk menerima apa yang disampaikan. Ketiga benar. Menurut Sulaiman, Salleh & Mustari (2002) seorang guru yang boleh menghasilkan pengajaran berkesan adalah dengan bersifat benar. Keempat hafizah, Mariam & Safinah (2015) membahaskan bahawa beramanah dan bertanggungjawab dalam memberi bimbingan kepada *mad'u* samada diminta atau tidak diminta merupakan tanggungjawab sosial bagi seorang *daie*. Sifat Kelima sebagai *daie* ialah tawaduk dengan ilmu dan kehidupan mereka. Pada pandangan mereka balasan atau ganjaran daripada masyarakat tidak perlu kerana ganjaran Allah SWT adalah yang diinginkan (Roslan & Choirin 2014). Keenam berani. Keberanian dan bijaksana-keberanian seorang pendakwah adalah penting dalam melaksanakan dakwahnya. Namun begitu keberanian menyampaikan kebenaran mestilah seiring dengan kebijaksanaan (Roslan & Choirin 2014). Keberanian akan membangkitkan dua akhlak dalam jiwa iaitu kemampuan menguasai jiwa, keinginan dan ketakutan. Kedua reda dengan segalacabar dalam kehidupan (Roslan & Choirin 2014). Ketujuh pemurah Dermawan-seorang pendakwah seharusnya mempunyai sikap merasa cukup atas apa yang dimiliki olehnya. Hal ini kerana sifat meminta-minta dan menunggu pemberian orang dapat menghilangkan pengaruh dakwah dan menghapuskan kehormatan seorang pendakwah (Roslan & Choirin 2014). Kelapan ikhlas dan empati. Ikhlas berasal dari kata *ikhlas* yang asal bentuk masdar dari *akhlasa-yahklisu* bermaksud kesucian memiliki campuran tertentu (al-Misri 2014).

VII. GPI Dalam Karakter *Daie* Sebagai Seorang Pendidik Teori al-Kiylani

Al-Kiylani (2002:69) menekankan bahawa falsafah pendidikan mestilah menyediakan umat Islam yang berdaya saing dan mampu menghubungkan pelajar dengan realiti hidup. Beliau juga menambah bahawa sistem pendidikan Islam mestilah syumul merangkumi hubungan manusia dengan Tuhan (al-Kiylani 1997& Ahmad Ghalush 1978:441), Hubungan manusia dengan manusia (Al-Kiylani 1997& Ahmad Ghalush 1978) dan hubungan manusia dengan alam (Al-Kiylani 1997). Manakala menurut Kamarul dan Tamuri (2007) pendidikan Islam adalah suatu proses melahirkan manusia seimbang dari segi intelek, jasmani dan emosi. Keseimbangan ini seharusnya dilengkapi dengan penerapan sifat-sifat yang mulia. Sifat-sifat yang mulia ini menurut al-Bayanuni (2001) adalah termasuk dalam sifat-sifat seorang *daie*. Justeru itu, penulis membahagikan sifat-sifat *daie* kepada tiga bahagian iaitu hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam.




Rajah 1. Sifat-sifat *daie* hubungan antara tuhan, manusia dan alam menurut konsep pendidikan Islam Al-Kiylani (1997).

7. 1. Hubungan GPI Dengan Allah SWT

Kepada para pendidik sesungguhnya mendidik merupakan tanggung jawab terhadap Allah SWT kerana Nasih Ulwan (1968) berkata bahawa sesungguhnya Allah SWT akan bertanya kembali pada hari kiamat nanti akan amanat yang telah diberikan. Tanggungjawab *daie* itu jelas dalam membimbing *mad'u* kejalan kebenaran, maka hubungannya sendiri mestilah terikat mutlak dengan Allah SWT. Oleh itu, sebagai seorang GPI yang turut menggalas tanggungjawab sebagai seorang *daie* harus beramanah dan jujur dalam tugasnya. Di mana, amanah ini dapat dilaksanakan dengan baik apabila seseorang GPI itumengjaga ibadahnya iaitu dengan memelihara ibadah wajib dan sunat (Hafizah, Mariam & Safinah 2015) seperti membiasakan diri bangun pada waktu malam bagi mendirikan *Qiamullail*. Menurut Karim Zaidan (2010) lagi untuk menjadi seorang *daie* tunjang utamanya ialah sentiasa bermunajat kepada Allah SWT terutama ketika

kesepian atau mengalami tekanan kerana ibadah akanmewujudkan keterikatan hati di antara hambanya dengan pencipta (Ahmad Ghalush).Namun begitu, amalan sunat dan sunnah haruslah diseimbangkan dalam kehidupan sehari-hari. Firman Allah SWT surah Ali ‘Imran (3:81) maksudnya:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيقَاتَ النَّبِيِّنَ لَمَّاءَتِتُكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ
جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ إِنَّا أَفْرَزْنَا
وَأَخَذْنَا عَلَى ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَآشْهُدُوا وَإِنَّا مَعَكُمْ مِنْ


Ertinya;

“Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmannya): “Sesungguhnya apa juga kitab dan hikmah yang Aku berikan kepada kamu kemudian datanglah kepada kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman bersungguh-sungguh kepadanya dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya”.

(al-Quran, Ali ‘Imran 3:81)

Maka jiwa para *daie* perlu kepada mendalami ilmu agama dengan lebih banyak supaya lebih dekat kepada Allah SWT dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Turut dinyatakan oleh Ghazali Darusalam (1996) bahawa antara sifat *daie* itu mestilah memahami maksud al - Quran dan Hadis serta berilmu dan berilmu dengan kedua-duanya.Tambahan lagi GPI yang merupakan *daie* haruslah mempunyai ilmu pengetahuan agama yang mantap demi menudhaknya menyebarkan dakwah kepada pelajar dan masyarakat. Seiring dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam Pelan pendidikan Malaysia yang menekankan kepada pendidik agar berilmu tinggi untuk memangkin generasi yang baik sahsiahnya (KPM 2015).

7. 2. Hubungan GPI Sesama Manusia

Menurut Abdullah & Ainon (2006) ramai guru yakin bahawa dengan mengkritik mampu membantu pelajar untuk membaiki diri. Mengkritik menurut Syofia, Zamri & Jamaludin (2015) adalah dengan menyentuh hati pelajar dahulu sebelum mengkritik. Bahkan, menurut hasil kajian Syofia, Zamri & Jamaludin (2015) lagi menunjukkan tindak balas yang positif apabila guru memilih kata-kata yang tepat dalam mengkritik pelajar tanpa menjatuhkan air muka pelajar.

Pujian adalah salah satu jenis ganjaran sosial (Abdullah & Ainon 2006). Menurut Sulaiman, Salleh & Mustari (2002) perlulah pandai menghargai pelajar dan memuji pelajar supaya pengajaran yang dilaksanakan berkesan. Hal ini, kerana pelajar merasai seperti dihargai. Menurut kajian Syofia, Zamri & Jamaludin (2015) seseorang guru perlu bijak dalam menuturkan kata-kata yang positif kepada pelajar ketika berinteraksi. Bahkan menurut Abdullah & Ainon (2006) menyatakan bahawa semakin tinggi status orang yang memuji semakin besar kesan pujian tersebut.

7. 3. Hubungan GPI Dengan Alam

Alam semesta merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dan keberadaan Tuhan. Bahkan Islam memandang bahawa alam ini diciptakan oleh Allah SWT yang begitu sistematis (Zalik 2016). Namun berdasarkan kajian daripada Hafizah et al. (2016) menyatakan bahawa penekanan mengenai tingkah laku yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar masih tidak menjadi kebiasaan. Hal ini perlu ditekankan kerana Pendidikan Islam merupakan satu proses meliputi semua perkara iaitu persekitaran, haiwan, manusia dan alam (Zalik 2016). Kewujudan alam adalah tanda adanya pencipta yang agung dan berkuasa iaitu Allah SWT (Rasyidin 2008).

Tanggungjawab menjaga alam juga merupakan suatu amalan sosial yang dianggap sebagai rol model GPI kepada pelajar (Noraziah 2010). Pengajaran dan pembelajaran yang diajar oleh GPI perlu berjalan seiring dengan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran Pendidikan Islam. Bagi mencapai generasi yang unggul dalam akademik dan sosial. GPI sebagai guru menurut Noraziah (2010) haruslah mengoptimumkan ilmu yang meliputi semua bidang ilmu. Pembacaan yang dibuat mestilah merangkumi semua medan ilmu termasuklah ilmu sains iaitu alam sekitar. Melalui bimbingan, nasihat dan teguran dalam menjaga kebersihan persekitaran rumah dan sekolah, tidak melaksanakan kemasuhan alam dan menjaga keindahan persekitaran rumah dan sekolah.

VIII. Kesimpulan

Daie yang terbaik ialah memiliki sifat-sifat yang terpuji merangkumi hubungannya dengan Allah SWT, hubungannya sesama manusia dan hubungannya dengan alam. Sifat yang ditunjukkan oleh GPI dalam Karakter *daieamat* penting dalam menarik pelajar untuk mendekatinya. Dengan itu, mudah bagi GPI untuk menyebarkan dakwah kerana dipandang dan dihormati oleh para pelajar. Keterampilan dan Kredibiliti GPI amat mempengaruhi dalam menyebarkan ilmu agama kepada pelajar. Untuk Itu Sifat-sifat negatif perlu dihindari oleh GPI supaya pelajar tidak akan lari daripada mereka. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah menjaga tingkah laku dan sikap serta bersifat sebagai seorang *daie*. Contoh teladan yang ditunjukkan adalah langkah dalam menyebarkan agama Islam pada para pelajar dan akhirnya mereka merasa tertarik untuk menghayatinya serta mengamalkannya.

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim & Terjemahan. Al-Quran Darul Iman. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
2. Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azaman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic And Arabic Education*.2 (1). 43-56.
3. Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi (2012).Gjat. Vol 2.Issue 2committee On Publication Ethics (Cope).
4. Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Chen oh & Mohd Izham Hamzah(2016). Persepsi Murid-murid Terhadap amalan Guru Pendidikan Islam di Malaysia e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi. Edisi Khas Vol.3, No 2-1 (Jun 2016) 18-40.
5. Abdul Karim Batubara(2013). Studi Media Dalam Perspektif Komunikasi Islam: Analisis Esensi Komunikasi Islam Dalam Diseminasi Informasi. Conference Proceedings. Annual International Conference On Islamic Studies .Aicis XII.
6. Ab. Aziz Yusof. 2013. Pengurusan pendidikan Islam : mekanisme transformasi ummah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
7. Abdullah Hassan & Ainon Mohd(2006).*Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publication
8. Abdul Karim Zaidan (2010). *Usulud Dakwah*. Beirut: Muassasah ar Risalah Nanshirun.
9. Abdullah Nasih Ulwan (1968). *Tarbiyyah al-Awlad Fi al-Islam*. Kaherah : Dar al-Salam.
10. Abdul Munir Ismail. 2014. Suatu tuntutan dalam Islam. Selangor: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
11. Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. @013. Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Daie Sepanjang Zaman: Analisis. Prosiding Seminar Pertama Pendidikan Dan Penyelidikan Islam (SEPPIM 2013) at The Mall, Fakulty Of Islamic Civilization on 17-18 September 2013, p, 371-385.
12. Ahmad Ghalush (1987). *Dakwah Islamiyah*. Kaherah: Darul Kutub Misr
13. Ghazali bin Darusalam. 2001. *Pedagogi pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
14. Ghazali Darusalam(1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiyah*. Selangor: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
15. Hafizah Abu Bakar, Nazalina Abd Aziz, Nur Afiqah Mohd Nawawi, Najihah Abd Latif, Norfaryana Mohd Ijas & Amir Hamazah Sharaan(2013). Kajian Perhubungan Kesedaran Alam Sekitar Dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Kajian Kes: Pelajar Tahunan Satu Universiti Putra Malaysia (UPM). Academia.
16. Kammarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri(2007). Pendidikan Islam: kaedah pengajaran & pembelajaran. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
17. Al-Kiylani Majid(1998).*Ahdaf al-Tarbiah al-Islamiyyah*.Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.Khuzaimah Sulaiman. 2014. Guru Pemimpin 360 Darjah. Kuala Lumpur. PTS Professional.
18. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 1025. KPM. 2013 <http://Www.Moe.Gov.My/My/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-Malaysia-2013-2025.105-108>
19. Mahmud al-Misri(2014). *Mausu'ah Min Akhlaq al-Rasul*.Terj. Dr. Mohd Puzhi Bin Usop. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
20. Mariam Abd Majid, Noor hafizah Fuad & Ahmad Fauzi Mohd Sahar (2015). Pengantar Ilmu Dakwah. Dlm. Zulkifli Abd Hamid, Syarul Azman Sahharuddin & Mariam Abd Majid (pnyt). *Keutamaan dan Keistimewaan Dakwah Islamiyah*, hlm. 41-52. Seri Kembangan: Ibooks Centre.
21. Mohd Khairuddin Abdulla1, Khalid Hj Johari1, Ag Yusof Ag Chuchu2 & Halimah Laji(2014). Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Pendidikan Sabah.Jurnal Pemikir Pendidikan, Vol5, Pp, 59-77.
22. Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Bari, Shaffe Mohd Daud. 2010. Karakter guru: ilmu diagung guru disanjung, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
23. Mohd. Azam Mahat (2009). *Guru: pendidik, pengajar atau pendakwah*. Shah Alam: Karisma Pub.
24. Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri, Azali Mohamed(2006). *19 tip pendidik cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
25. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Zikmal Fuad & Ahmad Fauzi Mohd Shahar. 2015. Pengantar Ilmu Dakwah. Dlm. Zulkifli Abd Hamid, Syarul Azman Sahharuddin & Mariam Abd Majid (pnyt). *Manhaj Dakwah Islamiyah*, hlm. 75-98. Seri Kembangan: Ibooks Centre.
26. Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil (2012). Mengenal Pasti Punca-Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50–73
27. Muhamad, Nurul Asiah Fasehah, Mohd Isa Hamzah, Ab Tamuri, Noornajihan Ja'afar, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Norakyairee Mohd Raus, and Syed Najihuddin Syed Hassan (2013).The Importance of Positive Self-Concept for Islamic Education Teachers as a Role Model. Online Submission 3, no. 1 (2013): 29-35.
28. Muhammad Abu Fatal al Bayanuni (2001). al Madkhal Ila „Ilmi Da “wah.. Lebanon:Muassasah al Dirasah NaaShirun.
29. Muhamad, Nurul Asiah Fasehah, Mohd Isa Hamzah, Ab Tamuri, Noornajihan Ja'afar, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Norakyairee Mohd Raus, and Syed Najihuddin Syed Hassan. "The Importance of Positive Self-Concept for Islamic Education Teachers as a Role Model." Online Submission 3, no. 1 (2013): 29-35.
30. Mustafa Ar-Rafie (2004). Dakwah & Kunggulan Para Daie. Terj. Abd Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir & Mashitah Ismail. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
31. Munzier Suparta, Harjani Hefni (2003). Metode dakwah. Jakarta: Kencana.
32. Noor Hafizah mohd Haridi, Mariam Abd Majid, & Safinah Ismail. 2015. Pengantar Ilmu Dakwah. Dlm. Zulkifli Abd Hamid, Syarul Azman Sahharuddin & Mariam Abd Majid (pnyt). *Pendakwah*, hlm. 123-160. Seri Kembangan: Ibooks Centre.
33. Nor Amin Sayani & Mohd Ismail Mustari (2012). Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah In Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam [Seappi2012] (International Seminar On Teacher And Islamic Education [Seappi2012]) At Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor On 8-9 March 2012, Pp. 51-69.
34. Noraziah Binti Yusop & Latipah Binti Sidek. 2010. Procedings ofthe 4 Internasional Conference on Teacher Education UPI 7 UPSI. Bandung Indonesia. 8-10 November 2010.
35. Qurashi, Baqir Sharif.(2003). Seni Mendidik Islami : kiat-kiat mencipta generasi unggul. Terj. Mustofa Budi Santoso. Jakarta: Pustaka Zahra.

36. Al-Rasyidin (2008). *Falsafah Pendidikan Islam Membangun Kerangka Ontologi, Epistemologi dan Axiologi Praktik Pendidikan*. Bandung: Citapusta Media Perintis.
37. Razali Saaran(2010). *Hebatnya Cara Rasulullah mendidik*. Kuala Lumpur : Mustread, 2010
38. Roslan Bin Mohamed & Muhammad Choirin. 2014. *Panduan Menambat Hati Pendakwah Bermagnet*. Damansara: Hijjaz Records Publishing.
39. Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi, Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. *Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor*. Jurnal GJAT. Vol 1. 71-77.
40. Sarimah Mokhtar , Ab Halim Tamuri., Che Noh, M. A., Ali, M. M., & Harith, Z (2010). Amalan Pengajaran Pendidikan Islam: Aplikasi Teori Menurut Perspektif Al-Ghazali Aan Dunkin & Biddle In 1stinternational Conference On Islamic Education 2010 (Icied2010)
41. Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Shah Alam: Karya Bestari.
42. Siti Jaemah Binti Wahidin. 2015. *Aplikasi Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Muslim Terhadap Kendiri Beragama Pelajar Asnaf Zakat Di Daerah Kuala Selangor*. Fakulti Pengajian Islam. UKM.
43. Syofia Ulfa, Zamri Mahamod Dan Jamaludin Badusah (2013).*Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspersif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang*. Journal of Language Studies. Volume 13.1.
44. Sulaiman Md. Yassin, Mohd Sallah Lebar & Azlina Abu bakar. Pnyt (2002). *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.